

**MANUAL PENGGUNAAN**  
SKYTIDER™ - Alat penggantung  
*bunting outdoor* di tiang lampu

Hakcipta © Universiti Putra Malaysia  
LY2017004146

## KANDUNGAN MANUAL

1. KOMPONEN
2. CARA PENGGUNAAN
3. ASPEK PENJAGAAN



Skytider™ merupakan alat bagi membantu memasang *bunting outdoor* pada tiang yang mudah digunakan, ringan, mempercepatkan kerja pemasangan dan **menjamin keselamatan** pemasang di dalam pelbagai situasi persekitaran tempat pemasangan.

### Untuk Keselamatan Pengguna

Bagi mengelakkan alatan rosak atau boleh mendatangkan kecederaan kepada pengguna, sila baca setiap langkah dan fahami manual pengguna ini sebelum menggunakan Skytider™.

**PERINGATAN PENTING** : Alat perlu dikendalikan / di bawah pengawasan orang dewasa disebabkan ia mempunyai bahagian tajam yang boleh membahayakan pengguna, sekiranya tidak digunakan dengan betul.

Pastikan keadaan tiang yang hendak di pasang telah dibersihkan daripada sebarang halangan seperti dawai, kayu *bunting* lama, tali dan lain- lain bagi mengelakkan kerosakkan pada Skytider™ dan *bunting*.

## Komponen

**Skytider™** adalah alat yang dicipta bagi membantu pemasang untuk memasang *bunting outdoor* pada mana-mana tiang lampu yang tidak mempunyai alat penggantung khas. Skytider™ memerlukan kabel pengikat (*cable tie*) bagi membolehkan *bunting* diikat pada tiang lampu.

### Skytider



#### a) Rod utama (besi)

- Digunakan untuk mengangkat *bunting* ke atas tiang
- mempunyai cangkuk bagi memegang *bunting* (pencangkuk bersifat tegap dan elastik supaya dapat disesuaikan mengikut saiz tiang lampu)
- klip skru bagi melaraskan ketinggian rod mengikut ketinggian yang dikehendaki
- mempunyai tempat (lubang) bagi memegang kabel pengikat

# Cara Penggunaan

## Persediaan

### a) **Persediaan *bunting* :**

*Bunting* hendaklah digulung sebelum menggunakan Skytider™ dengan cara;

- *bunting* digulung daripada bawah *bunting* ke atas;
- *bunting* digulung menghala bahagian yang bercetak (grafik/tulisan).


## Memasang *bunting*

### 1. Langkah Pertama

- Tebuk *bunting* menggunakan pisau/gunting di tengah-tengah *bunting* di bahagian atas dan bawah palang *bunting* bagi memasukkan kabel pengikat (Rajah 1).
- Pastikan kabel pengikat cukup panjang atau menggunakan 2 kabel pengikat yang disambung untuk dililitkan disekeliling tiang (Rajah 2).




Rajah 1



Rajah 2

## Menurunkan *Bunting*

1. Potong kabel pengikat menggunakan bahagian tajam di hujung rod kecil sepertimana rajah di bawah.



2. Potong kabel pengikat menggunakan bahagian tajam di hujung rod kecil sepertimana rajah di bawah.



**PERINGATAN** : Pastikan kabel pengikat yang telah dipotong di buang ke dalam tong sampah dan tidak ditinggalkan di kawasan tiang.

## Langkah Penjagaan

1. Skytider™ hendaklah disimpan dengan baik
2. **Elakkan menggunakan besi cangkuk** Skytider™ untuk tujuan lain seperti membersihkan dawai, kayu lama yang tertinggal pada tiang.
3. Pastikan klip skru tidak terhentak atau di putar secara berlebihan hingga boleh menyebabkan kerosakkan.
4. Rod kecil boleh disimpan di dalam rod utama.

**Hakcipta © Universiti Putra Malaysia  
LY2017004146**

**Pereka**

*Asrizam Esam, Mohd Mas'Ataillah Ismail, Muhammad Izzat Nor Adzmi, Mohammad Hisham Omar, Norliyana Kamarudin*

Langit Putra,  
Putra Science Park, Pejabat TNCPI, Universiti Putra Malaysia  
Serdang Selangor